

Warga Kuala Lumpur dialu-alukan sertai *Fun Walk Sinar Harian 16*

SHAH ALAM - Warga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dialu-alukan untuk sertai *Fun Walk Sinar Harian 16* yang akan berlangsung di Dataran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pada Ahad ini.

Program yang akan bermula seawal jam 7 pagi itu diadakan bersempena ulang tahun ke-16 penerbitan *Sinar Harian* sebagai sebuah akhbar yang dekat dengan masyarakat.

Jurulatih Zumba, Norhaida Ismail berkata, selain larian santai, peserta juga berpeluang untuk mengambil bahagian dalam acara senaman zumba yang semakin diminati ramai khususnya golongan wanita.

Justeru, pemilik EFC Fitness Studio, Taman Putra Prima Puchong, mengajak warga ibu kota dan mereka yang berkelapangan pada hujung minggu ini supaya tidak melepaskan peluang untuk menyertai aktiviti sihat tersebut.

"Jadi, kepada peminat-peminat zumba dan aktiviti kecerdasan lain, jangan lepaskan peluang untuk turut serta, selain dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan kerana program ini sesuai untuk seisi keluarga.

"Oleh itu, sama-sama kita sokong program yang akan berlangsung pada

Ahad ini selepas lebih dua tahun tidak berpeluang melakukan aktiviti berkumpulan susulan pandemik Covid-19," katanya ketika dihubungi pada Selasa.

Sementara itu, Ketua Pegawai Operasi Grup Sinar Karangkrif, Farah Hussamuddin berkata, program yang berkonsepkan manfaat masa bersama keluarga dengan melakukan aktiviti kecerdasan pada hujung minggu ini adalah antara program utama sambutan ulang tahun *Sinar Harian* ke-16 dan terbuka kepada semua lapisan masyarakat.

Beliau berkata, idea untuk menganjurkan *Fun Walk Sinar Harian 16* tercetus daripada *KL Free Car Morning* yang diadakan Kementerian Wilayah Persekutuan dan DBKL pada hujung minggu di



NORHAIDA

sekitar ibu negara.

Tambahnya, aktiviti ini seiring dengan inisiatif yang sedang dilakukan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dan DBKL menerusi segmen sukan, seni dan budaya serta akan menarik lebih ramai pelancong tempatan ke Kuala Lumpur setiap minggu.

Istimewanya *Fun Walk Sinar Harian 16* kali ini juga katanya, ia turut melibatkan lebih 500 kakitangan, keluarga *Sinar Harian* dan Kumpulan Karangkrif untuk mendekati komuniti pembaca.